

# MALTOFER® CHEWABLE TABLET

Iron (100mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Maltofer® Chewable Tablet
2. Bagaimana Maltofer® Chewable Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Maltofer® Chewable Tablet
4. Cara menggunakan Maltofer® Chewable Tablet
5. Semasa menggunakan Maltofer® Chewable Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Maltofer® Chewable Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Maltofer® Chewable Tablet

Maltofer® Chewable Tablet digunakan untuk merawat kekurangan zat besi dengan atau tanpa anemia (kurang sel darah merah). Ia juga digunakan sebagai pencegahan kekurangan zat besi semasa mengandung.

## Bagaimana Maltofer® Chewable Tablet berfungsi

Maltofer® Chewable Tablet mengandungi zat besi iaitu digunakan untuk membantu dalam pembentukan dan fungsi sel darah merah.

## Sebelum menggunakan Maltofer® Chewable Tablet

- Jangan ambil ubat ini jika anda :
  - mempunyai alahan kepada bahan aktif *iron* atau kepada mana- mana kandungan lain dalam ubat ini (disenaraikan di maklumat lanjut).
  - masalah pengumpulan zat besi dalam badan
  - gangguan penyerapan zat besi
  - anemia yang bukan disebabkan oleh kekurangan zat besi kerana Maltofer® Chewable Tablet tidak akan berkesan.

## -Sebelum menggunakan Maltofer® Chewable Tablets

- Doktor anda akan memantau keberkesanan rawatan anda dengan pemeriksaan susulan dan mungkin menjalankan ujian darah. Ini adalah perkara biasa dan anda tidak perlu bimbang.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada penyakit barah atau jangkitan sebelum mengambil Maltofer® Chewable Tablet.

## Mengandung dan menyusukan anak

- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

## = Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda baru-baru ini atau sedang menerima suntikan zat besi. Penggunaan pada masa yang sama dengan Maltofer Chewable Tablet tidak digalakkan.
- Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## **Cara menggunakan Maltofer® Chewable Tablet**

### - Berapa banyak harus digunakan

Boleh dikunyah atau ditelan keseluruhan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi

Untuk kanak-kanak melebihi 12 tahun dan dewasa:

### Rawatan kekurangan zat besi dengan anaemia

1-3 biji untuk 3-5 bulan dan selepas itu 1 biji dengan nasihat doktor.

### Rawatan dan pencegahan kekurangan zat besi tanpa anemia:

1 biji untuk 1-2 bulan dan selepas itu boleh mengambil Maltofer® Syrup dengan nasihat doktor (sekiranya perlu).

### Rawatan kekurangan zat besi dengan anemia semasa kehamilan:

2-3 biji dan seterusnya 1 biji setiap hari dengan nasihat doktor.

Maltofer® Chewable Tablet tidak disarankan untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun.

### = Bila perlu digunakan

- Maltofer® Chewable Tablet boleh diambil semasa atau sejurus selepas makan.
- Ambil tablet sekali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### = Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan tempoh rawatan mengikut keadaan anda.

### Rawatan kekurangan zat besi dengan anaemia

Rawatan diteruskan selama 3-5 bulan sehingga nilai ujian darah kembali normal.

### Rawatan dan pencegahan kekurangan zat besi tanpa anemia:

Rawatan diteruskan selama 1-2 bulan

### Rawatan kekurangan zat besi dengan anemia semasa kehamilan:

Anda harus meneruskan rawatan pada dos yang ditetapkan oleh doktor anda selama beberapa minggu atau

sehingga akhir kehamilan, untuk menambah kembali zat besi.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan Maltofer® Chewable Tablet**

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor .

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Maltofer® Chewable Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Maltofer® Chewable Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Produk ini mengandungi 10 mg natrium dalam setiap tablet. Beritahu doktor anda jika anda mengamalkan diet garam terkawal
- Tiada kajian yang berkaitan kesan pengambilan zat besi ke atas pengendalian kenderaan dan mesin dilakukan. Justeru, Maltofer Chewable Tablet dianggap tidak mempunyai sebarang kesan ke atas keupayaan memandu dan menggunakan mesin.

**Kesan-kesan sampingan**

- Kesan sampingan yang sangat kerap diperhatikan adalah perubahan warna najis yang disebabkan oleh perkumuhan zat besi tetapi ia tidak merbahaya.
- Kesan sampingan lain yang kerap diperhatikan ialah loya, sembelit, cirit-birit dan sakit perut termasuk ketidakhadaman, ketidakselesaan dan kembung perut.
- Kesan sampingan yang tidak kerap berlaku ialah muntah, perubahan warna gigi, kegatalan kulit, ruam, kemerahan kulit dan sakit kepala.
- Kesan sampingan yang jarang berlaku ialah kekejangan otot dan sakit otot.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan Maltofer® Chewable Tablet**

- Penyimpanan

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak. Jangan gunakan produk selepas tarikh luput yang

dinyatakan pada kotak. Sila simpan ubat-ubatan dalam bungkusan asalnya dan lindungi dari cahaya  
Simpan di bawah 30 ° C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui sisa buangan atau tong sampah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

- Tablet berwarna coklat bertompok putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:  
zat besi sebagai *iron(III)-hydroxide polymaltose complex (IPC)*
- Bahan tidak aktif:  
*Microcrystalline cellulose, cocoa flavour, sodium cyclamate, poly-ethylene glycol 6000, talc, vanillin, dextrates, chocolate essence.*

-Nombor MAL:

MAL19911912XZ

**Pengilang**

Corden Pharma Friburg SA,  
Route de Moncor 10 1752 Villars sur-Glane Switzerland.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Zuellig Pharma Sdn Bhd  
No.15 Persiaran Pasak Bumi,  
Seksyen U8, Perindustrian Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

31/07/2023

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)04112022/00097